

**SOALAN LAZIM PROGRAM VA**  
**PROGRAM PENGAKUAN SUKARELA (VOLUNTARY DISCLOSURE)**

NO	SOALAN	JAWAPAN
<b>DASAR PROGRAM PENGAKUAN SUKARELA</b>		
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Program Pengakuan Sukarela?	Program Khas Pengakuan Sukarela ini merupakan salah satu usaha kerajaan dalam melakukan pembaharuan perculaian bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela dan melaporkan cukai yang sepatutnya untuk meningkatkan kutipan hasil bagi pembangunan negara.
2.	Apakah kelebihan Program Pengakuan Sukarela bagi saya?	<p>Kelebihan menyertai Program Pengakuan Sukarela adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Insentif remisi penalti dan cukai akan diberikan secara <i>blanket</i> tanpa perlu mengemukakan permohonan</li> <li>• Audit tidak akan dijalankan untuk aktiviti dan tempoh terlibat</li> <li>• Maklumat berkaitan pengikrar akan dirahsiakan</li> <li>• Kompaun minima dikenakan bagi setiap pengakuan sukarela di bawah Akta yang sama</li> </ul>
3.	<p>Adakah Program Pengakuan Sukarela ini dibuat secara tahunan?</p> <p>Jika ya, adakah remisi penalti dan cukai yang sama ditawarkan?</p>	<p>Tidak.</p> <p>Program Pengakuan Sukarela ini hanya dibuat sekali sahaja dalam tempoh yang dinyatakan iaitu dari 01 Januari 2022 hingga 30 September 2022.</p>
4.	Di bawah Program Pengakuan Sukarela ini, apakah tanggungan cukai/duti/levi/penalti yang layak menyertai program ini?	Di bawah Program Pengakuan Sukarela ini, kelayakan untuk menyertai program adalah bagi cukai/duti/levi/penalti yang bertanggungan pada atau sebelum 31 Oktober 2021. Ini bermakna sebarang tanggungan cukai/duti/levi/penalti selepas tarikh ini tidak layak menyertai Program.
5.	Adakah remisi penalti bermakna penalti yang telah dibayar akan dikembalikan?	Penalti yang telah dibayar sebelum program tidak akan dikembalikan.
6.	Saya telah menerima Bil Tuntutan (BOD) pada tahun 2019. Adakah saya layak di	<p>Tidak layak.</p> <p>Program Pengakuan Sukarela ini hanya</p>

<b>NO</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
	bawah Program Pengakuan Sukarela ini?	<p>terbuka untuk pengakuan sukarela ke atas cukai/duti/levi yang tidak atau kurang dilaporkan dan belum dikeluarkan BOD.</p> <p>Walau bagaimanapun, mana-mana BOD yang dikeluarkan sebelum atau pada 31 Ogos 2022 bagi tempoh bertanggungan sebelum atau pada 31 Oktober 2021 adalah layak di bawah Program Pengampunan.</p>
7.	Siapakah yang layak untuk menyertai Program Pengakuan Sukarela ini dan apakah prosedur yang terlibat untuk memohon?	Syarikat/ individu yang mempunyai tanggungan cukai/duti/levi/penalti di bawah perundangan JKDM. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada <b>Garis Panduan Program VA</b> berkenaan prosedur dan kelayakan insentif.
8.	Apakah perbezaan Program Pengakuan Sukarela dan Pengakuan Sukarela yang sedia ada sebelum ini?	Program Pengakuan Sukarela ini menawarkan insentif duti/cukai/levi/penalti secara <i>blanket</i> tanpa perlu mengemukakan permohonan bagi remisi.
9.	Adakah saya layak menyertai Program Pengakuan Sukarela jika JKDM telah terlebih tuntut pada saya?	Program Pengakuan Sukarela hanya melibatkan kekurangan bayaran duti/cukai/levi. Lebihan bayaran perlu mengikut tatacara sedia ada yang dilaksanakan oleh JKDM.
10.	Bolehkah saya membuat pengakuan sukarela bagi perniagaan perkongsian?	Mana-mana ahli kongsi boleh membuat pengakuan sukarela bagi pihak perkongsian dengan syarat dipersetujui oleh semua ahli perkongsian.
11.	Bolehkah saya mewakili individu/syarikat lain untuk mengisi borang penyertaan Program Pengakuan Sukarela ini?	Boleh dengan syarat mendapat kebenaran bertulis individu/ syarikat yang diwakili.
12.	Adakah saya akan diaudit jika telah menyertai Program Pengakuan Sukarela?	Aktiviti dan tempoh yang telah diikrar di bawah program ini tidak akan diaudit pada masa akan datang kecuali wujud bukti kukuh yang menunjukkan perakuan yang dibuat berkaitan dengan frod. Selain itu, mereka yang tampil menyertai program ini tidak akan diaudit dalam tempoh setahun daripada tarikh

<b>NO</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
		berakhirnya program ini.
<b>PROSEDUR PERMOHONAN</b>		
13.	Adakah JKDM menyediakan borang khusus untuk saya membuat pengakuan sukarela?	Ya. Permohonan hendaklah dikemukakan menggunakan Borang VA-01. Untuk maklumat lanjut sila rujuk garis panduan dan prosedur pendaftaran Program Pengakuan Sukarela.
14.	Adakah syarikat perlu menunggu surat kelayakan penyertaan sebelum membuat pembayaran ataupun boleh mula membuat pembayaran secara sebahagian ( <i>partial</i> ) bermula 1.1.2022?	Syarikat hanya boleh membuat pembayaran setelah mendapat surat kelayakan penyertaan (VA-02). Untuk maklumat lanjut sila rujuk panduan dan prosedur pendaftaran Program Pengakuan Sukarela.
15.	Bolehkah saya membuat pengakuan sukarela melalui Borang <i>supplementary</i> ?	Ya boleh, tetapi sebelum pengikraran dibuat, pihak tuan hendaklah mendaftar untuk Program Pengakuan Sukarela dengan menggunakan borang VA-01 dan mendapat Surat VA-02 jika tuan adalah syarikat berdaftar di bawah SST. Untuk maklumat lanjut sila rujuk prosedur dan kaedah pendaftaran Program Pengakuan Sukarela.
16.	Saya belum mengemukakan penyata bagi tahun 2021 dan kebelakang tetapi akan membuat pengakuan sukarela. Adakah saya perlu mengemukakan penyata?	Ya. Penyata perlu dikemukakan secara atas talian setelah pendaftaran Program Pengakuan Sukarela dibuat.
17.	Dalam kes yang tidak berdaftar, adakah syarikat perlu berdaftar untuk SST terlebih dahulu dan kemudian menghantar permohonan Program Pengakuan Sukarela atau bolehkah syarikat terus menghantar permohonan Program Pengakuan Sukarela?	Syarikat/individu yang bertanggungan untuk berdaftar perlu memohon pendaftaran SST terlebih dahulu kemudian mengemukakan permohonan Program Pengakuan Sukarela.  Jika anda tidak bertanggungan untuk berdaftar, anda boleh terus mengemukakan permohonan Program Pengakuan Sukarela.
18.	Adakah dokumen sokongan perlu dikemukakan bersama-sama dengan pengakuan sukarela?	Tiada dokumen sokongan diperlukan semasa mengemukakan permohonan melainkan diminta oleh pegawai.  Syarikat hanya perlu memilih Akta yang terlibat, jumlah yang bertanggungan dan kategori permohonan.
19.	Bolehkah saya membuat pengakuan sukarela walaupun saya belum pasti sama	Syarikat/ individu boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai

<b>NO</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>						
	ada saya bertanggungan atau tidak mengenakan cukai?	JKDM di negeri masing-masing bagi menentukan sama ada bertanggungan mengenakan cukai atau sebaliknya.  Sekiranya bertanggungan mengenakan cukai, syarikat/ individu boleh memohon pendaftaran dan menyertai Program Pengakuan Sukarela.						
20.	Adakah permohonan untuk menyertai Program Pengakuan Sukarela mengikut setiap tempoh bercukai atau bersekali dalam satu Borang?	Permohonan untuk semua kesilapan atau ketidakpatuhan di bawah Akta yang sama boleh dikemukakan dalam satu borang.						
<b>KAEDAH PEMBAYARAN</b>								
21.	Bagaimanakah cara untuk membuat pembayaran di bawah Program Pengakuan Sukarela?	Pembayaran hendaklah dibuat secara online atau manual menggunakan bank deraf di kaunter JKDM yang berdekatan.						
22.	Bilakah bayaran cukai bagi pengakuan sukarela perlu dibayar?	Bayaran bagi cukai yang telah dilaporkan untuk Program Pengakuan Sukarela ini adalah seperti berikut:						
		<table border="1"> <thead> <tr> <th><b>Tempoh Pengakuan Sukarela</b></th> <th><b>Bayaran Sebelum atau Pada</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>01/01/2022 – 30/06/2022</td> <td>30/06/2022</td> </tr> <tr> <td>01/07/2022 – 30/09/2022</td> <td>30/09/2022</td> </tr> </tbody> </table>	<b>Tempoh Pengakuan Sukarela</b>	<b>Bayaran Sebelum atau Pada</b>	01/01/2022 – 30/06/2022	30/06/2022	01/07/2022 – 30/09/2022	30/09/2022
<b>Tempoh Pengakuan Sukarela</b>	<b>Bayaran Sebelum atau Pada</b>							
01/01/2022 – 30/06/2022	30/06/2022							
01/07/2022 – 30/09/2022	30/09/2022							
23.	Saya tidak mampu membuat bayaran yang disyaratkan di bawah program ini sekaligus. Bolehkah saya membuat pembayaran secara sebahagian ( <i>partial payment</i> ) daripada jumlah penuh?	Bayaran secara sebahagian ( <i>partial payment</i> ) dibenarkan dengan syarat jumlah penuh dibayar dalam tempoh program untuk menikmati insentif yang ditawarkan.						
24.	Saya telah memohon untuk menyertai Program Pengakuan Sukarela. Walau bagaimanapun, saya tidak membuat sebarang bayaran sehingga tempoh Program Pengakuan Sukarela berakhir. Apakah tindakan yang dikenakan terhadap saya?	Jika tiada sebarang bayaran atau hanya sebahagian bayaran diterima, pemohon tidak layak menikmati insentif dan tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.						
25.	Sekiranya saya telah membuat pembayaran secara sebahagian tetapi gagal untuk membayar jumlah penuh di	Pihak tuan perlu membayar duti/levi/penalty yang terlibat serta dikenakan tindakan undang-undang yang						

<b>NO</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
	akhir program, adakah saya akan dikenakan tindakan?	sedang berkuat kuasa.
26.	Bagaimanakah pengiraan penentuan nilai kompaun? Adakah kompaun dikenakan bagi setiap tempoh bercukai yang dipohon atau sekali sahaja bagi setiap pengilang/ orang berdaftar yang membuat permohonan?	<p>Nilai kompaun yang dicadangkan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) RM1,000.00 bagi setiap pengakuan sukarela berjumlah RM100,000.00 dan ke atas; atau</li> <li>b) RM500.00 bagi setiap pengakuan sukarela berjumlah di bawah RM100,000.00.</li> </ul>
<b>CUKAI JUALAN</b>		
27.	Jika saya telah mendaftar sebagai pengilang berdaftar (RM) pada 1.1.2020, adakah saya layak menyertai Program Pengakuan Sukarela ini?	Ya. Anda layak menyertai Program Pengakuan Sukarela.
28.	Saya adalah pengilang barang bercukai tetapi tidak menyedari bahawa saya sudah bertanggungan untuk berdaftar di bawah perundangan cukai jualan. Bolehkah saya berdaftar dalam tempoh program dan menikmati insentif yang ditawarkan Program Pengakuan Sukarela?	Anda terlebih dahulu kena berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018. Sebaik berdaftar, anda layak membuat pengakuan tanggungan cukai di bawah Program Pengakuan Sukarela?
29.	Syarikat saya menjalankan perniagaan menjual barang import tetapi syarikat telah tersilap menggunakan butiran pengecualian di dalam Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 dan syarat pengecualian juga tidak dipenuhi. Adakah saya layak menyertai program ini?	Ya, anda layak untuk membuat pengakuan di bawah Program Pengakuan Sukarela selagi ketidakpatuhan syarat pengecualian cukai berlaku sebelum atau pada 31 Oktober 2021.
<b>GUDANG BERLESEN/ GUDANG PENGILANGAN BERLESEN/ KEDAI BEBAS CUKAI</b>		
30.	Saya telah menyimpan barang/kenderaan di dalam Gudang Berlesen melebihi tempoh yang dibenarkan dan masih belum dikenakan BOD. Adakah saya boleh membuat pengakuan sukarela dan layak mendapat remisi cukai yang ditawarkan?	Ya, anda boleh membuat pengakuan secara sukarela dan layak mendapat remisi yang ditawarkan di bawah Program Pengakuan Sukarela ini.
31.	Saya telah menyimpan barang/kenderaan di dalam Gudang Berlesen melebihi tempoh yang dibenarkan dan	Tidak. Program Pengakuan Sukarela ini terbuka untuk pengakuan sukarela ke atas cukai yang tidak atau kurang

<b>NO</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
	telah dikeluarkan BOD. Adakah saya boleh membuat pengakuan sukarela dan layak mendapat remisi cukai yang ditawarkan?	dilaporkan dan belum dikeluarkan BOD. Walau bagaimanapun, mana-mana orang yang telah menerima BOD yang dikeluarkan sebelum 31 Oktober 2021 adalah layak di bawah Program Khas Pengampunan.
32.	Saya telah terkurang bayar untuk kenderaan yang ditaksir semasa dikeluarkan dari Gudang Berlesen. Adakah saya boleh membuat pengakuan sukarela dan layak mendapat remisi cukai yang ditawarkan?	Ya, anda boleh membuat pengakuan secara sukarela dan layak mendapat remisi yang ditawarkan di bawah Program Pengakuan Sukarela ini.
33.	Kedai Bebas Cukai telah menjual barang melebihi kuota yang dibenarkan kepada penumpang yang akan berlepas keluar dari Malaysia. Adakah ia layak di bawah Program Pengakuan Sukarela ini?	Ya, Kedai Bebas Cukai tersebut boleh membuat pengakuan secara sukarela dan layak mendapat remisi yang ditawarkan di bawah Program Pengakuan Sukarela ini.
34.	Semasa pemeriksaan fizikal dilakukan oleh syarikat, didapati terdapat barang yang hilang dalam Gudang Berlesen/ Kedai Bebas Cukai. Adakah barang yang hilang itu layak di bawah Program Pengakuan Sukarela ini?	Tidak. PKPS ditawarkan untuk barang/kenderaan yang disimpan dalam Gudang Berlesen yang tiba sebelum atau pada 31 Oktober 2021.
35.	Sekiranya syarikat Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) membuat jualan melebihi kuota ditetapkan, adakah syarikat layak membuat pengakuan sukarela?	Pengakuan sukarela hanya dibenarkan sekiranya tempoh 12 bulan kiraan kuota telah dipenuhi.
36.	Apakah insentif yang boleh dinikmati sekiranya syarikat GPB membuat pengakuan sukarela jualan melebihi kuota jualan?	Kompaun minima akan dikenakan.
37.	Adakah Program Pengakuan Sukarela ini terhad kepada kesalahan-kesalahan tertentu sahaja di bawah pelesenan GPB?	Syarikat boleh membuat pengakuan sukarela untuk sebarang kesalahan di bawah pelesenan GPB tetapi pengenaan kompaun pada kadar minima.
38.	Saya telah berdaftar sebagai Ejen Kastam yang didaftarkan di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 iaitu sebagai Ejen Penghantaran (Forwarding Agent) dan saya telah berdaftar sebagai pelesen Cukai Perkhidmatan di bawah Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018. Walau bagaimanapun saya telah terkurang ikrar	JKDM akan mengenakan kompaun dengan kadar minima dan memberi remisi penalti ke atas cukai yang terkurang ikrar di dalam Program Pengakuan Sukarela

<b>NO</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
	ke atas cukai perkhidmatan untuk tempoh sebelum ini. Sekiranya saya ingin membuat pengakuan sukarela, adakah saya akan dikenakan tindakan ke atas cukai yang terkurang ikrar tersebut?	
<b>KAWALAN EKSAIS</b>		
39.	Sekiranya syarikat saya mengilang barang berdut eksais tanpa lesen, apakah tindakan yang akan diambil oleh JKDM?	Aktiviti mengilang barang berdut eksais wajib dilesenkan di bawah Seksyen 20, Akta Eksais 1976. Oleh itu JKDM akan mengambil tindakan undang-undang kepada syarikat anda kerana telah melanggar peruntukan di bawah Akta Eksais 1976 iaitu mengilang barang berdut eksais tanpa lesen.
40.	Sekiranya syarikat saya telah melanggar peruntukan di dalam Akta Eksais 1976 dan menyertai Program Pengakuan Sukarela ini, apakah keistimewaan yang akan saya perolehi?	Di bawah Program Pengakuan Sukarela, JKDM menawarkan pengecualian dari tindakan undang-undang kepada syarikat anda atas kesalahan tersebut. Namun begitu, pengilang rokok, produk tembakau dan minuman keras tidak layak memohon lesen di bawah Program Pengakuan Sukarela kerana pengeluaran lesen eksais telah dibekukan oleh kerajaan.
41.	Syarikat saya telah menjalankan aktiviti pengilangan barang berdut eksais tanpa lesen selama 3 tahun. Sekiranya saya menyertai Program Pengakuan Sukarela, adakah saya masih perlu membayar duti eksais yang sepatutnya dibayar sewaktu saya mengilang tanpa lesen?	Ya. Syarikat anda perlu membayar duti eksais yang sepatutnya dibayar bermula dari tarikh menjalankan aktiviti pengilangan barang berdut eksais serta dikenakan tindakan undang-undang atas kesalahan tersebut. Namun begitu, JKDM menawarkan pengecualian dari tindakan undang-undang kepada syarikat anda atas kesalahan tersebut sekiranya menyertai Program Pengakuan Sukarela ini.
42.	Syarikat saya telah berlesen di bawah Seksyen 20, Akta Eksais 1976 dan telah terkurang membayar duti eksais kerana kesilapan sewaktu mengikrar kod tarif barang dalam borang Eksais No. 7. Apakah tindakan JKDM terhadap saya dan apakah keistimewaan yang akan saya perolehi sekiranya syarikat saya menyertai Program Pengakuan Sukarela?	JKDM akan mengutip semula duti eksais yang terkurang bayar oleh syarikat anda serta mengambil tindakan undang-undang di atas kesalahan tersebut. Namun begitu, di bawah Program Pengakuan Sukarela, JKDM menawarkan pengecualian dari tindakan undang-undang atas kesalahan tersebut.
43.	Bagaimanakah cara pembayaran duti eksais yang ditawarkan oleh JKDM di	Duti eksais di bawah Program Pengakuan Sukarela boleh dibayar

<b>NO</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
	bawah Program Pengakuan Sukarela?	sekaligus atau secara sebahagian ( <i>partial payment</i> ).
<b>LEVI PELEPASAN</b>		
44.	Adakah syarikat pengendali penerbangan yang gagal berdaftar mengikut Seksyen 13, Akta Levi Pelepasan 2019 serta tidak mengenakan levi pelepasan ke atas penumpang layak untuk menyertai Program Pengakuan Sukarela ini?	Syarikat pengendali penerbangan tersebut adalah layak untuk menyertai Program Pengakuan Sukarela ini. Walau bagaimanapun, syarikat berkenaan perlulah berdaftar sebagai orang berdaftar di bawah Akta Levi Pelepasan 2019. Pendaftaran boleh dibuat secara atas talian sahaja melalui portal MyDLv. ( <a href="https://mydlv.customs.gov.my">https://mydlv.customs.gov.my</a> )
45.	Adakah syarikat pengendali penerbangan yang gagal berdaftar mengikut Seksyen 13, Akta Levi Pelepasan 2019 tetapi telah memungut levi pelepasan dari penumpang dan tidak mengakaunkan kepada JKDM layak untuk menyertai program ini?	Syarikat pengendali penerbangan tersebut adalah layak untuk menyertai Program Pengakuan Sukarela ini. Walau bagaimanapun, syarikat berkenaan perlulah berdaftar sebagai orang berdaftar di bawah Akta Levi Pelepasan 2019. Pendaftaran boleh dibuat secara atas talian sahaja melalui portal MyDLv. ( <a href="https://mydlv.customs.gov.my">https://mydlv.customs.gov.my</a> )
46.	Adakah syarikat masih perlu mengemukakan penyata DL-02 untuk tempoh pengakuan sukarela jika belum mengemukakan penyata DL-02?	Ya, penyata DL-02 perlu dikemukakan secara atas talian melalui sistem MyDLv untuk tempoh pengakuan sukarela dalam Program Pengakuan Sukarela jika syarikat masih belum mengemukakan penyata DL-02.
47.	Sebagai Orang Berdaftar di bawah Akta Levi Pelepasan 2019, adakah syarikat masih perlu membayar penalti kerana lewat mengakaunkan levi pelepasan kepada JKDM jika menyertai Program Pengakuan Sukarela atau perlu mengemukakan permohonan remisi berasingan?	Melalui Program Pengakuan Sukarela ini, remisi penalti akan diberikan secara ‘blanket’ tanpa perlu mengemukakan permohonan seperti berikut:  Fasa 1 - 100%  Fasa 2 – 50%
48.	Adakah remisi ke atas levi pelepasan yang kena dibayar akan diberikan jika menyertai Program Pengakuan Sukarela dan jika ya, adakah perlu mengemukakan sebarang permohonan?	Remisi levi pelepasan akan dipertimbangkan ke atas keadaan di mana syarikat lewat berdaftar dan tidak memungut levi dari penumpang.
49.	Sebagai pengendali penerbangan yang berdaftar di bawah Akta Levi Pelepasan 2019 yang telah menyertai Program Pengakuan Sukarela, adakah pihak JKDM	JKDM tidak akan melakukan tindakan audit pada masa akan datang bagi tempoh penyata pengakuan sukarela

<b>NO</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
	akan melakukan tindakan auditan pada masa hadapan bagi tempoh penyata pengakuan sukarela yang telah dibuat?	yang telah dibuat oleh pihak syarikat.
50.	Syarikat telah menghantar semua penyata DL-02 mengikut tempoh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, syarikat tidak mengakaunkan levi pelepasan yang genap masa kepada JKDM. Sistem MyDLv telah menjana BOD untuk levi pelepasan yang genap masa. Adakah syarikat masih layak untuk menyertai Program Pengakuan Sukarela ini?	<p>Program Pengakuan Sukarela ini terbuka untuk pengakuan sukarela ke atas levi pelepasan yang tidak atau kurang diakaunkan kepada JKDM dan belum dikeluarkan BOD.</p> <p>Walau bagaimanapun, mana-mana orang berdaftar yang telah menerima BOD yang dikeluarkan sebelum 31 Oktober 2021 adalah layak untuk menyertai Program Khas Pengampunan.</p>
51.	Adakah syarikat akan ditawarkan kompaun kerana gagal menghantar penyata DL-02 dalam tempoh masa yang ditetapkan dan kemudian mengemukakan penyata DL-02 berkenaan di bawah Program Pengakuan Sukarela ini?	Syarikat akan dikenakan kompaun minima yang akan ditetapkan.

#### **KEMUDAHAN PENGECAULIAN**

52.	Kuantiti bahan mentah yang diluluskan oleh MIDA adalah sebanyak 10,000 kg tetapi syarikat saya telah mengimport bahan mentah tersebut sebanyak 12,000 kg. Apakah kelebihan sekiranya syarikat saya menyertai Program Pengakuan Sukarela ini?	Pihak syarikat hanya perlu membayar duti/cukai terlibat ke atas perbezaan kuantiti bahan mentah dan kompaun minima akan dikenakan.
53.	Syarikat saya tidak menghantar penyata bahan mentah/ barang siap seperti yang ditetapkan di dalam syarat-syarat pengecaulian. Adakah syarikat saya layak menyertai Program Pengakuan Sukarela ini?	Tidak. Kesalahan tidak menghantar penyata bahan mentah / barang siap tidak dimasukkan dalam Program Pengakuan Sukarela ini.
54.	Syarikat A mempunyai lebihan bahan mentah yang tidak digunakan di dalam pengilangan dan telah menjual bahan mentah tersebut tanpa kelulusan JKDM. Adakah syarikat A layak menyertai Program Pengakuan Sukarela ini?	Ya. Syarikat A boleh menyertai Program Pengakuan Sukarela ini dengan membayar duti/cukai ke atas baki bahan mentah yang berkaitan.
55.	Saya telah mengimport barang dan bahan mentah yang berdutti import ke dalam Malaysia dengan menggunakan kemudahan layanan tarif berkeutamaan ( <i>preferential tariff treatment</i> ) di bawah	Ya, syarikat layak menyertai Program Pengakuan Sukarela.

<b>NO</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
	perjanjian perdagangan bebas ( <i>free trade agreement</i> ). Baru-baru ini saya mendapati bahawa barang yang telah diimport itu tidak layak dikategorikan sebagai berasal dari negara pengeluar. Barang tersebut gagal mematuhi kriteria tempat asal sebagai “ <i>originating goods</i> ” atau gagal mematuhi peraturan tempat asal (Rules of Origin). Saya sepatutnya membayar duti import pada kadar yang ditetapkan oleh Perintah Duti Kastam 2017. Adakah saya layak untuk menyertai Program Pengakuan Sukarela jika memaklumkan keadaan tersebut kepada JKDM?	
<b>KES AUDIT</b>		
56.	Bolehkah saya menyertai Program Pengakuan Sukarela semasa saya diaudit?	Ya.
57.	Adakah saya akan diaudit selepas membuat pengakuan sukarela dalam Program Pengakuan Sukarela?	JKDM akan menerima maklumat pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh Program Pengakuan Sukarela dengan suci hati. Aktiviti dan tempoh yang telah diikrar dan dibayar sepenuhnya di dalam Program Pengakuan Sukarela tidak akan diaudit.
58.	Saya telah menerima Surat Permohonan Kemukakan Dokumen/ Rekod Bagi Tujuan Pengauditan daripada JKDM dan saya ingin membuat pengakuan sukarela. Adakah JKDM akan meneruskan tindakan audit ke atas perniagaan saya?	Pengauditan tidak akan diteruskan.  Audit perlu mengemukakan Borang Persetujuan Penyertaan (BPP) dan VA-01 untuk menyertai program. Aktiviti dan tempoh yang telah diikrar dan dibayar sepenuhnya di dalam Program Pengakuan Sukarela tidak akan diaudit.
59.	Sekiranya saya telah menerima surat Permohonan Kemukakan Dokumen/ Rekod Bagi Tujuan Pengauditan tetapi telah menyerahkan dokumen kepada pegawai audit adakah saya layak menyertai Program Pengakuan Sukarela ini?	Ya.  Audit perlu mengemukakan Borang Persetujuan Penyertaan (BPP) dan VA-01 untuk menyertai program.
60.	Sekiranya saya telah dilawati oleh Pasukan Audit tetapi belum menyerahkan dokumen kepada pegawai audit adakah saya layak menyertai Program Pengakuan Sukarela ini?	Ya.  Audit perlu mengemukakan Borang Persetujuan Penyertaan (BPP) dan VA-01 untuk menyertai program.

<b>NO</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
61.	Sekiranya saya sedang diaudit dan belum menerima Notis Taksiran atau Surat Pemberitahuan Hasil Audit adakah saya layak menyertai Program Pengakuan Sukarela?	<p>Ya.</p> <p>Auditi perlu mengemukakan Borang Persetujuan Penyertaan (BPP) dan VA-01 untuk menyertai program.</p>
62.	Sekiranya saya telah menerima Notis Taksiran atau Surat Pemberitahuan Hasil Audit adakah saya layak menyertai Program Pengakuan Sukarela?	<p>Tidak layak menyertai Program Pengakuan Sukarela.</p> <p>Syarikat yang telah menerima Notis Taksiran atau Surat Pemberitahuan Hasil Audit sebelum atau pada 31 Disember 2021 dan telah menerima BOD sebelum atau pada 31 Ogos 2022 layak menyertai Program Pengampunan.</p>
63.	Saya telah membuat pengakuan sukarela kepada JKDM. Sekiranya JKDM menerima maklumat daripada pihak ketiga atau aduan, adakah tindakan audit akan dibuat?	<p>JKDM akan menerima maklumat pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh Program Pengakuan Sukarela dengan suci hati.</p> <p>Semakan lanjut tidak akan dilakukan ke atas maklumat yang dilaporkan dan tindakan audit tidak akan diambil ke atas tempoh bercukai yang mana pengakuan sukarela telah dibuat kecuali wujud bukti kukuh berunsur frod daripada maklumat yang diterima.</p>
<b>HUBUNGI KAMI</b>		
64.	Siapakah yang saya boleh hubungi sekiranya mempunyai pertanyaan berkaitan Program Pengakuan Sukarela?	<p>Pembayar cukai boleh menghubungi :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Pejabat JKDM yang berdekatan;</li> <li>ii) Customs Call Centre di talian : 1-300-88-8500; atau</li> <li>iii) e-Mel: ccc@customs.gov.my</li> </ul>

## PROGRAM PENGAMPUNAN (AMNESTY)

<b>NO</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
1.	Siapakah yang layak menyertai program pengampunan?	Mana-mana syarikat yang telah dikeluarkan BOD sebelum atau pada 31 Ogos 2022 bagi tempoh bertanggungan sebelum atau pada 31 Oktober 2021 adalah layak di bawah Program Pengampunan.
2.	Jika BOD dalam mahkamah atau siasatan penguatkuasaan (kes frod), adakah saya layak menyertai program pengampunan?	Syarikat dalam siasatan penguatkuasaan untuk frod atau syarikat yang telah memperolehi keputusan penghakiman tidak layak menyertai program ini.
3.	Jika saya mengikuti Program Pengampunan adakah tindakan undang-undang akan dihentikan?	Tindakan penguatkuasaan akan dihentikan setelah semua BOD diselesaikan sepenuhnya.
4.	Apakah syarat untuk menyertai program Pengampunan ini?	Sila rujuk kepada Garis Panduan Program VA berkenaan syarat penyertaan program ini.
5.	Bagaimana cara untuk saya menyemak sama ada saya layak untuk menyertai program pengampunan ini?	Sila rujuk kepada Garis Panduan Program VA berkenaan prosedur dan kelayakan insentif.
6.	Apakah perbezaan antara Program Pengakuan Sukarela dengan Program Pengampunan?	Program Pengakuan Sukarela adalah bagi kes yang belum dikeluarkan BOD manakala Program Pengampunan adalah bagi kes BOD yang telah dikeluarkan.
7.	Adakah saya secara automatik layak diberi remisi di bawah program Pengampunan sejurus selepas saya mendaftarkan diri di bawah program ini?	Sila rujuk kepada Garis Panduan Program VA berkenaan syarat penyertaan program ini.
8.	Saya mempunyai tunggakan penalti sahaja. Adakah insentif di bawah program pengampunan ini terpakai bagi saya?	Ya. Anda layak mendapat remisi penalti secara <i>blanket</i> mengikut kadar berikut:  Fasa 1 – 90% dengan syarat bayaran 10% dibuat  Fasa 2 – 80% dengan syarat bayaran 20% dibuat
9.	Saya mempunyai tunggakan cukai sahaja. Adakah insentif di bawah program pengampunan ini terpakai bagi	Ya. Anda layak mendapat remisi cukai secara <i>blanket</i> mengikut kadar berikut:  Fasa 1 – 10% dengan syarat bayaran 90%

<b>NO</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
	saya?	dibuat  Fasa 2 – 5% dengan syarat bayaran 95% dibuat
10.	Saya mempunyai tunggakan surcaj sahaja. Adakah insentif di bawah program pengampunan ini terpakai bagi saya?	Ya. Anda layak mendapat remisi surcaj secara <i>blanket</i> mengikut kadar berikut:  Fasa 1 – 90% dengan syarat bayaran 10% dibuat  Fasa 2 – 80% dengan syarat bayaran 20% dibuat
11.	Untuk fasa 1, syarikat yang mempunyai tunggakan penalti layak diberi remisi 90%. Bilakah syarikat perlu membayar baki 10% penalti tersebut?	Bayaran perlu dibuat dalam tempoh program fasa 1.
12.	Adakah saya perlu membayar keseluruhan tunggakan sebelum saya dibenarkan menyertai program pengampunan ini?	Anda perlu membuat bayaran sebagaimana dalam syarat penyertaan dalam tempoh program untuk menikmati insentif yang ditawarkan.
13.	Adakah saya layak menyertai proram pengampunan ini jika saya telah membayar keseluruhan tunggakan?	Tidak. Hanya syarikat yang masih mempunyai tunggakan yang layak menyertai program ini.
14.	Saya mempunyai BOD yang dikeluarkan selepas tarikh pengumuman bajet. Adakah saya layak untuk menyertai program ini?	Ya sekiranya BOD dikeluarkan bagi cukai/ duti/ levi yang bertanggungan pada atau sebelum 31 Oktober 2021.
15.	Saya mempunyai tunggakan cukai dan penalti. Adakah saya perlu membuat apa-apa bayaran bagi tujuan menyertai program pengampunan ini?	Untuk menikmati insentif 100% penalti, anda perlu membuat bayaran keseluruhan tunggakan cukai dalam fasa 1 program. Manakala untuk menikmati insentif 50% penalti, anda perlu membuat bayaran keseluruhan tunggakan cukai dan 50% penalti dalam fasa 2 program.
16.	Saya telah terlebih membuat pembayaran di bawah program pengampunan ini. Adakah saya layak diberi refund (pulangbalik) bagi pembayaran terlebih itu?	Ya, layak mengikut prosedur sedia ada JKDM.
17.	Saya tidak mampu membuat bayaran yang disyaratkan di bawah program ini sekaligus. Bolehkah saya membuat	Bayaran ansuran dibenarkan dan hendaklah selesai dibayar sepenuhnya dalam tempoh program untuk menikmati

<b>NO</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
	pembayaran secara ansuran?	insentif yang ditawarkan.
18.	Saya tidak mampu membuat bayaran yang disyaratkan sekaligus. Saya membuat sebahagian pembayaran di Fasa 1 dan sebahagian lagi di Fasa 2. Adakah saya masih layak dengan remisi di bawah Fasa 1?	Tidak. Sekiranya pembayaran dijelaskan sepenuhnya di Fasa 2, maka anda layak untuk insentif di bawah Fasa 2.
19.	Sekiranya saya mendaftar untuk program ini semasa fasa 1, namun menjelaskan bayaran di fasa 2, adakah saya layak untuk insentif di fasa 1 atau fasa 2?	Fasa 2.
20.	Sekiranya saya membayar keseluruhan tunggakan saya semasa dalam tempoh program, adakah saya layak diberi refund (pulangbalik) bagi pembayaran yang layak diremit?	Ya, layak mengikut prosedur sedia ada JKDM dan dengan syarat anda menghantar permohonan menyertai program.
21.	Saya mempunyai tunggakan GST. Adakah saya layak untuk menyertai program ini?	Ya.
22.	Saya mempunyai tunggakan cukai jualan dan cukai perkhidmatan lama. Adakah saya layak untuk menyertai program ini?	Ya.
23.	Saya sedang mencabar BOD dalam tribunal. Adakah saya layak untuk menyertai program ini?	Ya dengan syarat syarikat perlu menarik balik tuntutan tersebut di Tribunal sebelum menyertai program.
24.	Syarikat saya telah disaman oleh JKDM untuk tindakan mahkamah. Adakah saya layak untuk menyertai program ini?	Layak selagi keputusan penghakiman belum diperolehi.
25.	Saya tidak tahu menahu mengenai program pengampunan ini dan telah terlepas daripada menyertai program. Bolehkah saya membuat rayuan?	Tidak.
26.	Untuk tunggakan GST, adakah saya perlu memohon remisi melalui system TAP sekiranya saya telah mendaftar untuk program ini?	Tidak.
27.	Saya mempunyai BOD pelbagai jenis cukai dan penalti. Bagaimanakah cara	Membuat permohonan menyertai program dan pembayaran mengikut syarat insentif

<b>NO</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
	untuk mendapatkan insentif di bawah program ini bagi kesemua BOD saya?	bagi setiap BOD.
28.	Saya mempunyai BOD pelbagai jenis cukai dan penalti. Adakah saya perlu mengisi satu borang sahaja atau mengikut jenis BOD?	Permohonan bagi BOD yang dikeluarkan di bawah Akta yang sama boleh dilakukan dalam satu borang.
29.	Bolehkah saya mewakili individu / syarikat lain untuk mengisi borang penyertaan program pengampunan ini?	Boleh dengan syarat mendapat kebenaran bertulis individu/ syarikat yang diwakili.
30.	Saya telah membayar keseluruhan tunggakan semasa Fasa 1, namun hanya mendaftar di bawah program semasa fasa 2. Adakah saya layak untuk menyertai program ini?	Tidak kerana untuk menyertai program ini permohonan perlu dibuat terlebih dahulu.
31.	Bagi kes yang pernah mendapat keputusan remisi diluluskan, bolehkah syarikat menyertai program ini?	Tidak.
32.	Bagi kes yang telah mendapat keputusan remisi tidak diluluskan, bolehkah syarikat menyertai program ini?	Ya.